

Jawab semua soalan

1. (a) Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِنْ ذَكَرٍ وَأُنثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْدِكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَيْرٌ<sup>۱۳</sup>

(Surah al-Hujurat : 13)

Ayat di atas menjelaskan tuntutan kepada umat Islam untuk saling mengenali antara satu sama lain dalam kalangan pelbagai bangsa dan kaum.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i). Nyatakan **dua** tuntutan ayat yang menggalakkan umat Islam mengenali dan berinteraksi dengan pelbagai bangsa. [ 2 markah ]

- (ii). Jelaskan **dua** keutamaan takwa. [ 2 markah ]

(iii).

**RAKYAT MALAYSIA HIDUP BERBILANG BANGSA.**

Berdasarkan pernyataan di atas,uraikan kepentingan saling menghormati dalam kalangan masyarakat. [ 4 markah ]

- (b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَاَنْ يَحْتَطِبَ أَحَدُكُمْ حُزْمَةً عَلَى ظَاهِرِهِ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ أَحَدًا فَيُعْطِيهُ أَوْ يَمْنَعُهُ.

(Riwayat al-Bukhari)

Hadis di atas menerangkan tentang kelebihan perbuatan berdikari dalam melakukan sesuatu perkara.

Berdasarkan hadis di atas,

- (i). Nyatakan pengertian berdikari. [ 2 markah ]

- (ii). Nabi Adam AS pernah menjadi seorang petani semasa hayatnya. Apakah **dua** pekerjaan Rasulullah SAW semasa hayat baginda? [ 2 markah ]

- (iii). Jelaskan **dua** kelebihan berdikari. [ 2 markah ]

- (iv). Terangkan **dua** pengajaran daripada hadis di atas. [ 4 markah ]

(c)

هُوَ اللَّهُ الْخَلِقُ الْبَارِئُ الْمُصَوِّرُ لَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَى يَسِّعُ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَهُوَ  
**الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ**

Senaraikan **dua** tanda waqaf yang terdapat dalam ayat di atas.

[ 2 markah ]

2. (a) Kita wajib mendalami ilmu akidah yang sebenar untuk memelihara akidah daripada fahaman yang menyeleweng daripada ajaran Islam.
- (i). Nyatakan pengertian ajaran sesat dengan betul. [ 2 markah ]
- (ii). Jelaskan **dua** ciri ajaran sesat dari aspek ibadat. [ 4 markah ]
- (iii) Huraikan **dua** cara umat Islam dapat menjauhi ajaran sesat. [ 4 markah ]
- (b) Pemahaman yang bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah Waljamaah menyebabkan munculnya fahaman-fahaman yang menyeleweng daripada akidah yang sebenar.
- (i). Nyatakan secara ringkas tentang Khawarij. [ 2 markah ]
- (ii). Terangkan perbezaan pandangan Ahli Sunnah Waljamaah dan Khawarij berkaitan isu berikut :  
 - Kedudukan iman  
 - Pelaku dosa besar
- (iii). ***Salah satu prinsip utama Khawarij ialah wajib keluar menentang pemimpin atau khalifah yang tidak adil.***
- Pada pandangan anda, wajarkah perkara ini berlaku? [ 4 markah ]

3. (a) Muamalat Islam ialah satu cara pengurusan kewangan berlandaskan syariat Islam.
- Apakah maksud akad dalam muamalat Islam? [ 2 markah ]
  - Senaraikan **dua** jenis akad pertukaran dalam muamalat Islam. [ 2 markah ]
  - Nyatakan **hukum** bagi situasi berikut:  
Fahim menyertai skim cepat kaya untuk menambah duit simpanannya : \_\_\_\_\_
  - Farha membuat pinjaman di bank sebanyak RM10,000 untuk kegunaan peribadi : \_\_\_\_\_
- (b) Suami dan isteri memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam kehidupan rumah tangga.
- Jelaskan tanggungjawab suami dan isteri dari aspek akidah. [ 2 markah ]
  - ISU DERA, ABAI KANAK-KANAK SEMAKIN MENINGKAT**  
**SEREMBAN:** Usaha menangani isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang dilihat membimbangkan perlu ditangani secara tuntas membabitkan pelbagai pihak.  
EXCO Kerajaan Negeri Sembilan, Nicole Tan Lee Koon, menegaskan kanak-kanak perlu didedahkan mengenai hak mereka untuk dilindungi, selain pembabitan masyarakat dalam membantu mencegah peningkatan kes berkaitan pengabaian dan penderaan kanak-kanak.
- Sumber: *BH Online*, 12 Julai 2024.
- Berdasarkan isu di atas, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya ia tidak ditangani dengan betul. [ 4 markah ]
- (c) Tempoh *iddah* membolehkan pasangan suami isteri mencari jalan penyelesaian dengan tenang.
- Nyatakan pengertian *iddah* dengan betul. [ 2 markah ]
  - Berapakah tempoh *iddah* yang dikenakan ke atas isteri yang bercerai hidup yang belum putus haid? [ 2 markah ]
  - Antara larangan buat isteri semasa dalam tempoh *iddah* ialah menerima pinangan lelaki lain secara terang atau kiasan.**
- Pada pendapat anda, mengapakah *iddah* disyariatkan dalam Islam? [ 4 markah ]

4. (a) Kerajaan Abbasiyah merupakan sebuah kerajaan yang berperanan dalam mewujudkan tamadun Islam yang gemilang.
- (i). Jelaskan **dua** sumbangan Khalifah Harun al-Rashid. [ 2 markah ]
- (ii). Jelaskan **dua** faktor kemerosotan kerajaan Abbasiyah. [ 4 markah ]
- (iii) Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada pemerintahan kerajaan Abbasiyah. [ 4 markah ]
- (b) Salahuddin al-Ayyubi adalah salah seorang tokoh Islam yang terkenal.
- (i). Nyatakan **dua** fakta ringkas tentang riwayat hidup Salahuddin al-Ayyubi. [ 2 markah ]
- (ii). Jelaskan **dua** sumbangan Salahuddin al-Ayyubi dari aspek pentadbiran. [ 4 markah ]
- (iii). **Salahuddin al-Ayyubi merupakan tokoh yang memberi sumbangan besar dalam usaha membebaskan Baitul Makdis daripada penguasaan tentera salib.**
- Berdasarkan pernyataan di atas,uraikan iktibar yang dapat diambil daripada kejayaan tersebut dalam memastikan syiar Islam dapat ditegakkan. [ 4 markah ]

5. (a) Islam telah menggariskan beberapa adab ketika menjaga orang sakit.

(i). Jelaskan **dua** adab terhadap orang sakit dari aspek emosi.

[ 2 markah ]

(ii). Huraikan **dua** hikmah beradab dengan orang sakit.

[ 4 markah ]

(iii).



Berdasarkan gambar di atas, mengapakah orang sakit perlu dijaga dengan beradab? Huraikan hujah anda.

[ 4 markah ]

(b) Istiqamah merupakan sifat mulia yang menjadi tuntutan dalam Islam.

(i). Nyatakan pengertian istiqamah.

[ 2 markah ]

(ii). Jelaskan contoh sifat istiqamah Rasulullah SAW beserta buktinya.

[ 2 markah ]

(iii). Huraikan ciri orang yang memiliki sifat istiqamah dalam menuntut ilmu.

[ 2 markah ]

(iv).

***“Oleh itu hendaklah Engkau ( wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang telah diperintahkan kepada-Mu”***

***(Surah Hud : ayat 12)***

Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda mengekalkan sifat istiqamah dalam diri?

[ 4 markah ]

### KERTAS SOALAN TAMAT